

# Melayu akan terima padah lebih hebat Menteri: Jangan lupa sejarah hitam



DATUK SANUSI

MUAR, Ahad — Orang Melayu akan menerima padah yang lebih hebat sekiranya mereka terus mengamalkan sifat mudah lupa terhadap sejarah hitam kewangan bangsa itu yang terbit dari isu syarikat Kewangan Bumiputra Malaysia (BMF).

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Datuk Haji Sanusi Joned berkata, isu BMF yang membabitkan kewangan kira-kira \$1,800 juta itu mungkin tidak berlaku jika orang Melayu berhati-hati dan tidak lupa isu Bank Rakyat yang membabitkan \$100 juta.

"Entah apa lagi padah yang lebih hebat akan berlaku sekiranya kita masih mengamalkan sifat mudah lupa yang menjadi kelemahan bangsa Melayu," katanya ketika merasmikan kursus sivik Umno bahagian Segamat di Feida Lenga, dekat sini hari ini.

Katanya, orang Melayu juga

memunyai satu lagi sifat yang dianggap negatif, iaitu mudah percaya seratus peratus terhadap orang yang berkedudukan dalam masyarakat.

Jelasnya, sifat itu jugalah antara beberapa sebab terjadinya isu Bank Rakyat dan isu BMF yang disifatkannya sebagai dua batu nisan dalam sejarah kewangan bangsa Melayu.

## Amanah

Menurutnya, ilmu dan pangkat bukan tanda seseorang itu amanah dan ia dapat dipelajari dari isu BMF di mana harapan bangsa untuk melihat perkembangan kewangannya hampir kecewa.

Menteri itu berkata, jika wang itu diagihkan \$1 juta kepada setiap orang Melayu, negara akan dapat mengeluarkan 1,800 jutawan Melayu masa ini.

Katanya, sebagai menteri yang bertanggungjawab terhadap Mara, beliau sering menerima soal, mengapa kerajaan tidak mengambil tindakan terhadap

BMF sedangkan hutang Mara walaupun \$1,000 mesti dituntut.

"Pinjaman Mara tidak dijelaskan kerana si peminjam jatuh bankrap, kita halalkan tetapi wang tidak dijelaskan kerana peminpan tidak boleh diampun," tambahnya.

"Orang Melayu nampaknya suka berlawan untuk rugi. Bila Bank Rakyat rugi \$100 juta, BMF pula cuba mengatasi kerugian itu dengan angka \$1,800 juta."

Untuk ini, katanya, orang Melayu khasnya ahli-ahli Umno hendaklah berhati-hati dalam memilih pemimpin kerana ada dua jenis pemimpin, iaitu pemimpin budak-budak dan pemimpin dewasa.

Menurutnya, pemimpin budak-budak itu adalah pemimpin yang mahukan sesuatu jawatan itu kerana bangga dengan jawatan itu dan pemimpin dewasa adalah pemimpin yang hendak berkhidmat kerana jawatan.

Datuk Haji Sanusi berkata, orang Melayu sepatutnya bangga dengan kejayaan yang dicapai oleh Amanah Saham Nasional yang menurutnya adalah saham amanah terbesar di dunia.